



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 4 2025



ISI KANDUNGAN



- LENTERA Putrajaya 2025	4
- Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya 2025	6
- Perbarisan Ulung Presiden Perbadanan Putrajaya Ke-8	7
- Perbarisan Penghargaan Ybhg Dato'Tpr. Fadlun bin Mak Ujud	8
- Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025	9
- Perhimpunan Bersama Presiden Perbadanan Putrajaya	10
- Majlis Anugerah Toilet Of The Year Award 2025 (TOTYA 2025)	11
- Kejohan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2025	12
- Majlis Cabutan Bertuah Cukai Taksiran 2024 WP Putrajaya	13
- Hari Rekreasi Putrajaya 2025	14
- Majlis Perasmian Galeri Kraftangan WP LAWLA Putrajaya	15
- Majlis Perasmian Tangga SDG Presint 15, Putrajaya	16
- Kejohanan Seni Mempertahanan Diri Piala Presiden 2025	17
- Operasi Bersepadu Kesihatan & Kebersihan Premis Putrajaya Bersama Dato' Presiden PPj dan Agensi	18
- Misi Bantuan Banjir Perbadanan Putrajaya 2025	19
- Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih & Tandas Awam BMW	20
- Program Akrab Cakna & Bicara Psikologi	21
- Program Kayuhan Rentasi Taman Putrajaya (PIPR) Edisi 2	22
- Majlis Perasmian Insektarium Wolbachia Putrajaya	23

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



Facebook/putrajaya



Twitter@putrajayacorp



Youtube/perbadananputrajaya



Instagram/perbadananputrajaya



JAMBATAN MONOREL PUTRAJAYA BAKAL JADI LALUAN PEJALAN KAKI, BASIKAL MULAI 2026

Jambatan Monorel Putrajaya yang terbengkalai sejak lebih 20 tahun lepas akan diberikan fungsi baharu atau re-purpose iaitu kepada jambatan pejalan kaki dan laluan basikal pada Januari tahun 2026. Ini adalah satu bentuk penggunaan semula secara adaptif yang dilaksanakan untuk memberi nilai baharu kepada struktur sedia ada. Dengan ini jambatan tersebut akan menjadi tumpuan pelancong sambil menikmati panorama tasik Putrajaya yang menarik.

Kerajaan telah memperuntukkan RM15 juta bagi kerja penambahbaikan jambatan tersebut yang sekian lama tidak digunakan, bagi laluan rekreasi pejalan kaki dan penunggang basikal. Kerja-kerja menaik taraf struktur jambatan giat dilakukan dan telah mencapai 50 peratus kemajuan setakat ini dan dijangka siap pada Disember 2025. Hanya tinggal kerja penyambungan jambatan dan ramp serta kerja estetik. Pada waktu malam reka bentuknya macam Jambatan Saloma Link tetapi dengan identiti Putrajaya.

Jambatan yang berukuran 200 meter panjang ini juga tidak akan dibuka kepada kenderaan selain basikal, mengambil kira had bebanan asal yang direka untuk sistem monorel.



Jambatan Gantung Monorel adalah salah satu daripada jambatan yang terdapat di Putrajaya. Ia dibina untuk menghubungkan beberapa mercu tanda penting di Putrajaya. Laluan utama jambatan ini mempunyai panjang kira-kira 240 meter dan lebar 10 meter.



Lentera Putrajaya 2025



Festival Lentera Putrajaya 2025 (LENTERA 2025), berlangsung dari 26 Disember 2025 hingga 4 Januari 2026 di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya, menawarkan pameran seni cahaya, arca inovatif, persembahan kebudayaan, dan permainan interaktif untuk menyambut Tahun Baharu 2026. Beroperasi dari jam 5.00 petang hingga 12.00 tengah malam setiap hari, dengan tiket berharga RM10 (dewasa) dan RM5 (kanak-kanak) untuk warganegara.

LENTERA 2025 dijanjikan untuk memikat pengunjung dengan pelbagai elemen artistik dan inovatif termasuk Hiasan Taman Bercahaya, Reka Bentuk Arca Bercahaya, Persembahan Cahaya Kebudayaan dan permainan interaktif yang menarik. Setiap elemen ini mewakili gabungan seni cahaya dan ekspresi artistik kreatif.

Keseluruhan pameran ini menerangi dan memeriahkan suasana malam di Anjung Floria bagi menawarkan pengunjung pengalaman yang memukau dan tidak dapat dilupakan.







Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya 2025

Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya (PPj) 2025 telah diadakan pada hari Khamis 20 November 2025 di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Majlis peluncuran sambutan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden PPj, dan diserikan dengan pelbagai acara menarik termasuk persembahan oleh Pasukan Penguat Kuasa serta Kumpulan Pancaragam PPj.

Sambutan ini juga diadakan sempena Ulang Tahun Ke-27 Penubuhan Pasukan Penguatkuasa PPj yang merupakan barisan hadapan dalam membawa imej PPj serta memastikan kesejahteraan para pemegang taruh di Putrajaya.

Majlis ini turut dihadiri oleh wakil daripada pelbagai agensi penguat kuasa yang menjadi sahabat strategik utama PPj, antaranya Polis Diraja Malaysia Putrajaya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Putrajaya, Pusat Latihan Penguatkuasa Selangor, SWCorp Putrajaya, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Pengangkutan Jalan, Majlis Perbandaran Sepang, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Unit Berkuda Polis Diraja Malaysia, Bahagian Pengurusan

Hartanah serta Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

YBhg. Dato' Presiden PPj menzahirkan keyakinan terhadap komitmen tinggi Pasukan Penguatkuasa PPj yang berteraskan nilai integriti, kebijaksanaan dalam tindakan serta pendekatan yang berhemah. Beliau menegaskan bahawa moto "Tegas dan Berhemah" adalah asas penting dalam merapatkan hubungan bersama komuniti sambil melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang dan peraturan demi kesejahteraan semua.

Presiden turut menekankan harapan agar setiap pegawai dan anggota penguat kuasa PPj menggalas amanah dengan penuh tanggungjawab demi memastikan Wilayah Persekutuan Putrajaya terus kekal sebagai bandar yang bersih, indah dan tenang untuk kesejahteraan seluruh penghuni.

Selain itu, beliau turut menggariskan beberapa penambahbaikan strategik bagi memperkukuhkan pasukan penguat kuasa PPj, termasuk pelaksanaan program pendigitalan serta kerjasama rentas agensi dalam usaha memperluaskan penyampaian perkhidmatan. Langkah ini adalah seiring dengan komitmen PPj untuk meneruskan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam secara berterusan.



PERBARISAN ULUNG PRESIDEN PPJ YBHG. DATO'HAJI MOHD SAKERI BIN ABDUL KADIR

Majlis Perbarisan Kawalan Kehormatan Utama sempena Upacara Perbarisan Ulung YBhg. Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, diiringi tabik hormat daripada Pasukan Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya.

YBhg. Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir juga telah melaksanakan "*punch in*" pertamanya sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya yang ke-8, tanda rasmi bermulanya amanah besar mengurus dan mentadbir Putrajaya.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir atas pelantikan sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) yang ke-8.

Semoga kepimpinan YBhg. Dato' terus membawa kecemerlangan, memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta memacu pembangunan Putrajaya sebagai bandar raya yang berdaya huni, berdaya saing dan berdaya maju.



PERBARISAN PENGHARGAAN YBHG. DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD, PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud atas segala jasa, bimbingan dan sumbangan sepanjang menerajui Perbadanan Putrajaya sebagai Presiden PPj.

Di bawah kepimpinan YBhg. Dato', Perbadanan Putrajaya telah berkembang dengan hala tuju yang lebih teratur, pengukuhan budaya kerja yang lebih mantap serta penglibatan komuniti yang semakin erat dan bermakna.

Sekalung tahniah diucapkan atas pelantikan sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur. Semoga YBhg. Dato' terus dikurniakan kekuatan, kebijaksanaan dan kejayaan dalam menerajui amanah baharu di peringkat yang lebih besar dan berimpak.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2025, KONGRES PERANCANGAN KEBANGSAAN (NPC) DAN MYCITY EXPO 2025



Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025, Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) dan MyCITY Expo 2025 telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri, bertempat di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya pada 28 Oktober 2025.

Penganjuran kali ini merupakan kolaborasi strategik antara KPKT melalui PLANMalaysia, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) serta Perbadanan Putrajaya sebagai 'host city'.

Mengangkat tema "Pembaharuan Semula Bandar: Agenda Perancangan untuk Rakyat", HPBS 2025 menjadi platform libat urus utama negara dalam memperkukuh dasar dan hala tuju perancangan bandar bagi memastikan dasar dan pelaksanaannya benar-benar mencerminkan aspirasi serta keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut menyampaikan ucapan aluan dan menegaskan komitmen KPKT untuk memperkukuh agenda pembaharuan bandar berlandaskan prinsip Malaysia MADANI dengan menumpukan kepada keterangkuman sosial, kesejahteraan komuniti dan peningkatan daya huni bandar yang berpaksikan rakyat.

Sebagai penghargaan kepada sumbangan dan inovasi dalam bidang perancangan bandar, YAB Timbalan Perdana Menteri turut menyampaikan 12 Anugerah Khas, termasuk Anugerah SDG 11: *Leading in Sustainable Cities and Communities*, manakala Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu menyampaikan 49 Anugerah Malaysia Urban Planning Awards (MUPA 2025).

Sambutan tahun ini turut diserikan dengan Kongres Perancangan Kebangsaan (NPC) 2025 dan MyCITY Expo 2025 bertemakan "*AI Meets Urban Planning*", yang menghimpunkan pakar, profesional dan pengamal industri bagi membincangkan perananteknologi digital serta kecerdasan buatan (AI) dalam membentuk bandar pintar yang mampan, inklusif dan berdaya tahan.





Majlis Perhimpunan bersama YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya telah berlangsung pada 14 November 2025 di Auditorium Zainal Abidin Kompleks Perbadanan Putrajaya. Perhimpunan ini merupakan perhimpunan terakhir Dato' Presiden bersama warga Perbadanan Putrajaya.

Pada majlis ini turut diraikan kakitangan yang telah bersara wajib sebagai menghargai jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh mantan-mantan pekhidmat Perbadanan Putrajaya.



MAJLIS ANUGERAH TOILET OF THE YEAR AWARD 2025 (TOTYA 2025)



Majlis Anugerah Toilet of the Year Award 2025 (TOTYA'25) diadakan pada 19 November 2025 di The Westin Kuala Lumpur. Majlis anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini bertujuan mengiktiraf dan mempromosikan kebersihan tandas awam di seluruh negara bagi premis yang menyediakan tandas "Bersih, Menawan dan Wangi" (BMW) dan menyokong aspirasi nasional untuk tandas awam bertaraf tinggi.

Lapan kategori yang dipertandingkan, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Sekolah, Restoran, Hotel, Stesen Minyak, Pusat Beli Belah, Kawasan Rehat & Rawat, dan Rumah Ibadat.

Perbadanan Putrajaya telah mencipta kejayaan apabila dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah TOTYA'25 bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan. PPj Berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM20,000, trofi dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Anugerah ini telah diterima oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya diiringi Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Encik Mohd Azli bin Haji Arifin, Pengarah Bahagian Pengurusan Fasiliti Perbadanan Putrajaya.





KEJOHANAN KUDA LASAK PIALA PRESIDEN PPJ 2025

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2025 telah berlangsung pada 06 Disember 2025 di Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya. Pelbagai aksi tangkas para pelumba telah dipertontonkan, derapan kuda yang penuh tenaga, dan semangat kesukanan yang tinggi terpancar menjadikan kejohanan kali ini begitu meriah dan mengujakan.



MAJLIS CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN & ANUGERAH PENARAFAN BINTANG KUALITI PENGURUSAN SKIM PEMAJUAN BERSTRATA 2024 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Pada 16 Oktober 2025 telah berlangsungnya Majlis Cabutan Bertuah Cukai Taksiran & Anugerah Penarafan Bintang Kualiti Pengurusan Skim Pemajuan Berstrata 2024 Wilayah Persekutuan Putrajaya di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya dan dihadiri oleh Naib-Naib Presiden serta barisan pengarah Perbadanan Putrajaya.

Majlis ini merupakan satu inisiatif penghargaan daripada Perbadanan Putrajaya kepada para pembayar cukai taksiran yang konsisten dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab membayar cukai tanpa culas. Dalam masa yang sama, majlis ini juga dianjurkan untuk meraikan kerjasama Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di dalam memastikan skim pemajuan strata masing-masing diurus dengan baik dan lancar. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



HARI REKREASI PUTRAJAYA 2025



Hari Rekreasi Putrajaya (HRP) 2025 ini lebih Istimewa kerana telah diadakan di Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 pada hari Sabtu 11 Oktober 2025 bermula jam 7.00 pagi sehingga jam 1.00 petang dengan pelbagai aktiviti menarik untuk semua peringkat umur.

Pelbagai Aktiviti menarik telah disediakan seperti *Family Fun Walk*, *Putrajaya Swimathon*, *Pickleball*, Kolam Renang Kompleks Sukan Air (MASUK PERCUMA), Sukaneka Air & Darat, *Inflatable Playground*, *Hot Wheels Race* dan Jualan Barangan Sukan.

HRP2025 berlangsung dengan jayanya dan telah dirasmikan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud. Program ini diselaraskan bersempena Hari Sukan Negara dengan tema Santai Hawaii.



Majlis Perasmian Galeri Kraftangan Wilayah Persekutuan LAWA Putrajaya



Majlis Perasmian Galeri Kraftangan Wilayah Persekutuan LAWA Putrajaya telah diadakan pada 28 Oktober 2025 di Lobi Persidangan Dewan Perbadanan Putrajaya. Galeri yang merupakan inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) ini akan menjadi pusat pameran, jualan, dan promosi hasil seni dan kraf daripada komuniti usahawan di Putrajaya. Ia mempamerkan pelbagai kraf eksklusif dan seni tempatan.

Majlis Perasmian Galeri LAWA Putrajaya ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Waktu Operasi Galeri Lawa ini adalah dari hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 10 pagi hingga 5 petang (untuk galeri di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya).



MAJLIS PERASMIAN TANGGA SDG DI PRESINT 15, PUTRAJAYA OLEH YBHG. DATO' PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA



Tangga SDG @ Presint 15 merupakan projek Placemaking di bawah Local Agenda 21 Putrajaya bagi tahun 2025 yang berkonsepkan "community-driven". Projek ini teretus hasil maklum balas daripada orang awam melalui sesi soal selidik yang dijalankan oleh Perbadanan Putrajaya terhadap pengunjung yang beriadah di kawasan tersebut.

Hasil dapatan menunjukkan majoriti bersetuju bahawa tangga ini mempunyai potensi besar untuk dipertingkatkan dengan elemen keceriaan dan tarikan baharu. Antara cadangan yang diterima ialah penambahan batu-batu bukit bagi memenuhi permintaan peminat aktiviti hiking yang menjadikan lokasi ini sebagai tempat latihan kegemaran mereka.

Kini, 163 anak tangga ini telah dihiasi dengan warna-warna ceria yang diinspirasi daripada 17 warna Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta dilengkapi pencahayaan menarik pada waktu malam.

Selain itu, papan informasi khas turut disediakan bagi mempromosikan informasi manfaat senaman tangga untuk kesihatan serta fakta ringkas mengenai struktur tangga ini untuk pengetahuan pengunjung.

Tangga ini telah lama menjadi antara lokasi kegemaran orang awam beriadah di Putrajaya. Kini melalui konsep placemaking menjadikan kawasan ini "*livable & lovable*".



Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden 2025

YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya telah merasmikan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlawanan Muaythai Sport sempena Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2025. Kejohanan ini telah berlangsung di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya pada 29 November 2025 bermula jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 malam.



OPERASI BERSEPADU KESIHATAN DAN KEBERSIHAN PREMIS PUTRAJAYA BERSAMA DATO' PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA DAN AGENSI

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah melaksanakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Kesihatan dan Kebersihan di kawasan komersial Jalan Diplomatik Presint 15 pada 04 Disember 2025. Operasi ini diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden PPj dengan kekuatan seramai 65 anggota melibatkan pelbagai bahagian dalaman PPj, dan rakan strategik Pejabat Kesihatan Putrajaya, SW Corp, Alam Flora Sdn. Bhd. serta AFES.

Presiden PPj menegaskan fokus utama kepimpinannya adalah memperkukuh aspek penambahbaikan kebersihan, keberadaan pegawai di lapangan serta memastikan penyelenggaraan infrastruktur dilaksanakan dengan lebih berkesan.

PPj perlu memastikan mutu perkhidmatan sentiasa berada pada standard terbaik kerana masyarakat serta pemegang taruh mempunyai tahap jangkaan yang tinggi berhubung pusat pentadbiran kerajaan berkenaan.

Kepentingan penyelenggaraan infrastruktur yang berkala turut ditekankan bagi memastikan aset awam terus berfungsi dalam tempoh lebih panjang dan memberi manfaat kepada warga Putrajaya.

Tumpuan pemeriksaan adalah untuk memastikan pematuhan tinggi terhadap standard keselamatan makanan, kebersihan persekitaran, dan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) serta Akta Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672). Sebanyak 38 premis diperiksa dan hasil operasi, sebanyak 15 kompaun serta 22 notis amaran dikeluarkan.

Operasi ini adalah langkah berterusan PPj bagi memastikan tahap kepatuhan undang-undang berada pada tahap optimum, selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan perundangan berkaitan.

PPj menghargai kepatuhan pemilik premis dan menegaskan bahawa operasi bersepadu akan diteruskan secara berkala untuk memastikan Putrajaya kekal bersih, sihat, dan selamat.

Kerjasama berterusan dari semua pihak agensi, pemilik premis, dan komuniti adalah penting untuk merealisasikan aspirasi Putrajaya sebagai bandar terancang, mampan, dan sejahtera.





Misi Bantuan Banjir Perbadanan Putrajaya 2025



Satu misi bantuan pasca banjir di kawasan Sepang telah berjaya dilaksanakan oleh Kelab KRISPUTRA Perbadanan Putrajaya pada 02 Disember 2025 bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Seramai 50 warga kerja PPj telah terlibat dalam operasi gotong-royong tersebut.

YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri Bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya turut turun padang bagi menyampaikan sumbangan kepada dua orang staf PPj yang terjejas akibat banjir, iaitu Encik Affendy Kamaruddin dari Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan dan Encik Muhammad Ashri Najmy dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Korporat.



Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih dan Tandas Awam BMW Peringkat Wilayah Persekutuan 2025



Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Majlis Anugerah Premis Makanan Bersih dan Tandas Awam Bersih, Menawan & Wangi (BMW) Peringkat Putrajaya 2025 sebagai usaha memperkukuh piawaian kebersihan dan kesihatan awam. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden PPj, dengan kehadiran kira-kira 150 jemputan dengan kolaborasi Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT, MOTAC, Pejabat Kesihatan Putrajaya, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM).

Penganjuran ini mencerminkan komitmen PPj dalam melaksanakan pemantauan dan penilaian sistematik terhadap premis makanan dan tandas awam, selaras dengan aspirasi Chase City 2025–2029 ke arah mewujudkan persekitaran bandar yang bersih, selamat, berdaya huni dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Bagi memastikan pematuhan piawaian, PPj melaksanakan pengauditan penarafan bintang tandas awam dua kali setahun serta pemeriksaan dan penggredan premis makanan secara berkala, disokong oleh program bimbingan bagi penambahbaikan berterusan.

Majlis anugerah ini bertujuan mengiktiraf premis makanan dan tandas awam serta menjadi pemangkin kerjasama berterusan antara pihak berkuasa, pengusaha premis

dan komuniti setempat bagi memastikan Putrajayakekal sebagai bandar yang bersih, sihat dan sejahtera.

PPj akan terus melakukan pemantauan kebersihan serta keselamatan makanan di premis makanan secara berterusan, dengan syarat setiap premis perlu mencapai gred A atau B untuk terus beroperasi, manakala tandas awam disasarkan memperoleh penarafan sekurang-kurangnya empat bintang.

Pengusaha premis dan pengendali tandas awam diseru agar terus membudayakan amalan kebersihan, di samping orang awam diharapkan menggunakan kemudahan awam secara berhemah selaras dengan slogan “Fasiliti Kita, Tanggungjawab Kita”.



Program AKRAB Cakna & Bicara Psikologi Bertemakan "Kenali Emosi, Pulih Kendiri"



Bahagian Sumber Manusia dan AKRAB Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Program AKRAB Cakna & Bicara Psikologi sebagai inisiatif berterusan dalam memperkukuh kesejahteraan emosi serta sokongan psikososial warga kerja. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Shamshul Joehari bin Zainal Mokhtar, Naib Presiden Kanan (Perkhidmatan Korporat).

Program ini diserikan dengan pelbagai pengisian menarik dan berimpak tinggi, antaranya Sesi Terapi Muzik "*Drum Circle*", Bicara Psikologi: Kenali Emosi, Pulih Kendiri oleh Dr. Umirah, terapi muzik Handpan, serta pameran dan aktiviti interaktif melibatkan Booth AKRAB PPj, Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK), Pejabat Kesihatan Putrajaya, Unit Psikologi & Kaunseling, Bahagian Sumber Manusia dan aktiviti *Candle Making*.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada Pengurusan Tertinggi dan warga kerja PPj, serta penyertaan daripada agensi luar seperti Jabatan Wilayah Persekutuan, Bahagian Pengurusan Psikologi JPA dan DBKL sekali gus mencerminkan komitmen bersama dalam membudayakan persekitaran kerja yang sihat, sejahtera dan cakna terhadap kesihatan mental.



PROGRAM KAYUHAN RENTASI TAMAN PUTRAJAYA 2025 EDISI 2



Kayuhan Rentasi Taman atau PIPR 2025 edisi ke- 2 tahun ini berlangsung meriah pada 07 Disember 2025 dengan penyertaan lebih 1,000 orang peserta.

Penghargaan khusus juga diucapkan kepada YBhg. Dato' Hj. Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya dan warga kerja PPj atas bantuan dan sokongan padu yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan strategik, sukarelawan dan para peserta yang menyertai kayuhan pada kali ini serta tahniah kepada para pemenang cabutan bertuah.

Pada program ini juga, YBhg. Dato' Presiden turut diberi taklimat mengenai Taman Wetland Putrajaya, termasuk komponen tarikan utama dan peranan taman sebagai ikon ekopelancongan.

Semoga PIPR terus memupuk gaya hidup sihat dan mengeratkan komuniti setempat juga dapat mempromosikan Taman-taman Awam Putrajaya.



Majlis Perasmian Insektarium Wolbachia Putrajaya

Putrajaya melakar satu lagi langkah penting dalam usaha memperkukuh kesihatan awam apabila Insektarium Wolbachia diwujudkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.



Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Majlis Perasmian Insektarium Wolbachia Wilayah Persekutuan Putrajaya yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersama YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia pada 15 Disember 2025.

Pembangunan Insektarium Wolbachia ini merupakan inisiatif strategik Jawatankuasa Task Force Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk memperkukuh kawalan vektor secara lebih mampan dan holistik demi manfaat komuniti, terutamanya melalui penggunaan teknologi Wolbachia selari dengan aspirasi Bandar Sihat dan CHASE City.

Majlis perasmian ini melambangkan komitmen PPj dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dalam memperluaskan pelaksanaan inisiatif Wolbachia di Putrajaya secara terancang dan menyeluruh.

Fasiliti ini membolehkan program pembiakan, pelepasan, dan pemantauan nyamuk *Aedes ber-Wolbachia* dilaksanakan secara berterusan berasaskan pendekatan saintifik, sekali gus memperkukuh usaha kawalan denggi demi kesejahteraan komuniti Putrajaya.

Menteri Kesihatan turut mendedahkan, kes kematian akibat denggi di negara ini mencatatkan pengurangan sebanyak 61.3 peratus, iaitu kepada 43 kes, berbanding 111 kes yang direkodkan pada tahun 2024. Kes denggi di seluruh negara turut merekodkan pengurangan kepada 56.5 peratus, iaitu 51,046 kes setakat 6 Disember 2025, berbanding 118,291 kes sepanjang 2024.



6,200 PESERTA SERTAI HARI SUKAN NEGARA (HSN) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA



Kira-kira 6,200 peserta telah menyertai Kacara larian sempena Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2025 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berlangsung di Dataran Putrajaya, Presint 3, pada 11 Oktober 2025.

Program ini disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa. Penganjuran HSN tahun ini bertujuan untuk merealisasikan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membudayakan sukan seiring dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030. Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud, Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Ismadi Sakirin dan Ketua Polis Daerah Putrajaya ACP Aidi Sham Mohamed.

Rakyat diminta untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif selaras dengan tema HSN 2025: #MalaysiaAktif, selain mengekalkan disiplin serta semangat perpaduan dalam setiap aktiviti sukan.

Pelbagai aktiviti riadah turut diadakan sepanjang program berkenaan, antaranya senamrobik, sukan rakyat dan demonstrasi sukan bagi menggalakkan penyertaan pelbagai peringkat umur.

Tahun ini merupakan tahun kesepuluh HSN telah dianjurkan dengan pelbagai

aktiviti yang dilaksanakan sebagai pengisian. HSN juga dapat meningkatkan pengetahuan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia amnya dan warga Wilayah Persekutuan khususnya.

Selain larian, antara aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan taekwando, pertandingan silambam, *Wall Climbing Challenge*, *Malaysian Historical Archery Championship* dan *Lightning Stacking Challenge*.

